American Home Assurance Co lwn Yeoh Kim Hooi dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO 12B-101 TAHUN 2011
KAMARDIN HASHIM H
28 NOVEMBER 2012

Insurans — Tindakan pemerolehan semula — Penafian liabiliti syarikat insurans — Rayuan — Sama ada rayuan bermerit — Insurans kenderaan — Borang insurans oleh pengambil insurans tidak lengkap tetapi diterima oleh penanggung insurans — 'Cover note' dan polisi telah dikeluarkan oleh penanggung insurans — Kenderaan dicuri sebelum bayaran ansuran pertama — Sama ada pembeli insurans dilindungi insurans — Pembatalan polisi oleh penanggung insurans — Sama ada penanggung insurans bertanggungan

Dalam rayuan ini, pihak ketiga ('perayu') merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen (HMS) yang telah membenarkan tuntutan responden pertama ('defendan') untuk sumbangan atau tanggung rugi bagi tuntutan yang dibawa oleh responden kedua ('plaintif') terhadap responden pertama. Responden pertama telah memasuki satu perjanjian sewa beli sebuah kenderaan dengan responden kedua dan telah membeli suatu polisi insurans berjumlah RM76,000 daripada perayu untuk melindungi kereta tersebut selama setahun. Penjual kereta tersebut telah mengisikan *insurance proposal form* ('borang tersebut') dan menghantarnya kepada perayu. Walaupun beberapa bahagian gagal diisikan dan telah dibiarkan kosong, perayu telah menerima borang tersebut dan bayaran premium yang dikenakan tanpa sebarang bantahan serta seterusnya mengeluarkan *cover note* dan polisi insurans untuk kereta tersebut. Dua bulan kemudian, kereta tersebut telah hilang akibat dicuri dan ini berlaku sebelum responden pertama dapat membuat bayaran ansuran yang pertama di bawah perjanjian jual beli ('PJB') tersebut. Klausa 7.2.1 dan 7.3 PJB memperuntukkan bahawa wang insurans dibayar di bawah polisi insurans yang dibeli bagi kereta tersebut hendaklah dibayar kepada responden kedua yang telah dilantik dan diberikan kuasa sepenuhnya oleh responden pertama untuk menuntut dan mendapatkan wang insurans tersebut. Responden pertama menuntut supaya perayu membuat pembayaran wang insurans bagi kereta tersebut. Namun begitu perayu enggan membayar dan sebaliknya menolak tanggungan mereka dan telah membatalkan polisi insurans atas alasan telah berlakunya kegagalan untuk menyatakan fakta-fakta material dalam *insurance proposal form*. Ini tidak dimaklumkan oleh responden kedua kepada responden pertama. Berikutan kegagalan perayu membayar wang insurans tersebut, responden kedua telah memulakan tindakan melalui saman terhadap responden pertama di mahkamah sesyen untuk menuntut

wang sejumlah RM74,527.07 yang terakru di bawah PJB tersebut berserta dengan faedah dan kos. Responden pertama telah mendapatkan perintah untuk mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap perayu untuk mendapatkan sumbangan atau indemniti terhadap tuntutan yang difailkan oleh responden kedua terhadap responden pertama. HMS telah membenarkan permohonan responden pertama. Tidak berpuas hati, perayu merayu terhadap keputusan tersebut. Perayu menghujahkan bahawa tuntutan responden pertama terhadap perayu adalah untuk menanggung rugi responden pertama akibat daripada kegagalan responden pertama sendiri untuk membayar insurans di bawah PJB; perayu tidak harus dipertanggungjawabkan atas kegagalan responden pertama; dan bahawa polisi insurans berkenaan kereta tersebut telah pun dibatalkan oleh perayu.

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos sebanyak RM1,000:

(1) Rayuan perayu tidak mempunyai sebarang merit. Akibat kegagalan perayu untuk membuat bayaran wang insurans di bawah polisi tersebut selepas kereta tersebut hilang telah menyebabkan kerugian kepada responden pertama. Sekiranya wang dibayar kepada responden kedua seperti disyorkan oleh pihak *adjuster* dan disyorkan juga oleh pegawai perayu sendiri, responden pertama tidak akan disaman oleh responden kedua. Tindakan perayu yang membatalkan kontrak di bawah polisi insurans tersebut serta enggan menanggung rugi responden pertama adalah satu tindakan yang salah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang kontrak. Alasan yang diberikan oleh perayu bahawa *Insurance Proposal Form* tidak lengkap dalam membatalkan kontrak adalah satu alasan yang remeh serta pemikiran terkemudian (lihat perenggan 25–26).

(2) Tidak dipertikaikan bahawa *Insurance Proposal Form* tersebut telah diisikan oleh agen perayu sendiri iaitu Ford Dealer yang telah menjualkan kereta tersebut kepada responden pertama. Walaupun menyedari bahawa borang tersebut tidak lengkap dan tidak membuat *full disclosure* namun *cover note* dan polisi tetap dikeluarkan oleh perayu tanpa sebarang bantahan. Oleh itu, perayu adalah dihalang daripada membangkitkan isu tersebut dan dihalang daripada menafikan liabiliti mereka untuk membayar kepada responden kedua di bawah polisi yang dikeluarkan. Perayu telah pun menerima bayaran premium untuk polisi tersebut maka adalah tidak berasas untuk mereka membatalkan polisi insurans tersebut secara sebelah pihak lihat perenggan 27).

(3) Berdasarkan keputusan dalam kes *Joo Seng Trading* dan *Harta Pertama Sdn Bhd*, perayu dihalang daripada membangkitkan dua isu dalam hujahan mereka oleh kerana kedua-dua isu tersebut tidak terdapat dalam

memorandum rayuan dan tidak pernah ditimbulkan semasa perbicaraan di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (lihat perenggan 28).

[English summary

In this appeal, the third party ('the appellant') appealed against the decision of the sessions court judge ('SCJ') who had allowed the first respondent's ('defendant') claim for contribution or indemnity for claim brought by the second respondent ('plaintiff') against the first respondent. The first respondent entered into a hire purchase agreement for a vehicle with the second respondent and had purchased an insurance policy for the amount of RM76,000 from the appellant to protect the car for a year. The seller of the car filled the Insurance Proposal Form ('the form') and sent it to the appellant. Although, a few sections were not filled and were left empty, the appellant had accepted the form and the premium paid without any objection and subsequently issued the cover note and insurance policy for the car. Two months later, the car was stolen and this took place before the first respondent could make the first installment payment under the sale and purchase agreement ('SPA'). Clauses 7.2.1 and 7.3 of the SPA provided that the insurance money paid under the policy purchased for the car must be paid to the second respondent who had been appointed and given full power by the first respondent to claim and obtain the insurance money. The first respondent claimed that the appellant made the payment of the insurance money for the car. However, the appellant refused to pay and instead denied their liability and had terminated the insurance policy on the grounds that there was failure to state the material facts in the insurance proposal form. This was not notified by the second respondent to the first respondent. Following the failure of the appellant to pay the insurance money, the second respondent had commenced an action by summons against the first respondent in the sessions court to claim for the amount of RM74,527.07 accrued under the SPA together with interest and costs. The first respondent had obtained the order to issue a third party notice against the appellant to obtain contribution or indemnity against the claim which was filed by the second respondent against the first respondent. The SCJ had allowed the first respondent's claim. Unsatisfied, the plaintiff appealed against the decision. The appellant contended that the respondent's claim against the appellant was to indemnify the first respondent for the failure of the first respondent itself to pay the insurance under the SPA; the appellant must not be made liable for the failure of the first respondent; and that the insurance policy pertaining to the car had already been dismissed by the appellant.

Held, dismissing appeal with costs of RM1,000:

(1) The appellant's appeal was without any merit. Due to the appellant's failure to pay the insurance money under the policy after the car was

missing, it had caused loss to the first respondent. If the money paid to the second respondent as suggested by the adjuster and suggested by the appellant's own officer, the first respondent would not have been summoned by the second respondent. The appellant action of terminating the contract under the insurance policy as well as refusal to indemnify the first respondent was a wrong action and was against the principles of the law of contract. The excuse given by the appellant that the Insurance Proposal Form was incomplete in terminating the contract was petty and an afterthought (see paras 25–26).

(2) It was not disputed that the Insurance Proposal Form had been filled by the appellant's own agent ie Ford Dealer who had sod the car to the first respondent. Although it was aware that the form was incomplete and did not make full disclosure, the cover note and the policy was still issued by the appellant without any objection. Therefore the appellant was barred from denying their liability to pay the second respondent under the policy which had been issued. The appellant had already received the premium for the policy and thus it was baseless for them to terminate the insurance policy unilaterally (see para 27).

(3) Based on the decision in the case of *Joo Seng Trading* and *Harta Pertama Sdn Bhd*, the appellant was barred from raising two issues in their submission as both the issues were not in their memorandum of appeal and was never raised during the trial before the learned SCJ (see para 28).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penafian liabiliti syarikat insurans, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 425–426.

Kes-kes yang dirujuk

Joo Seng Trading Co v Commercial Importers and Distributors Sdn Bhd [2007] 4 MLJ 128, MR (dirujuk)

Public Finance Bhd v Harta Pertama Sdn Bhd & Ors [2002] 4 MLJ 599, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Insurans 1996 ss 150(1), (2), (3), 151(1), (2)

S Murali (Khoo & Sidhu) bagi pihak perayu.

L Parthiban (K Sasindran bersamanya) (Nor Ding & Co) bagi pihak responden pertama.

Kamardin Hashim H:

RAYUAN PERAYU

[1] Ini adalah rayuan perayu ('pihak ketiga') terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen pada 10 Mac 2011 yang telah membenarkan tuntutan responden pertama ('defendan') untuk sumbangan atau tanggung rugi bagi tuntutan yang dibawa oleh responden kedua ('plaintif') terhadap responden pertama. Rayuan perayu terhadap responden kedua bagaimanapun telah ditarik balik oleh perayu sebelum rayuan didengar.

LATAR BELAKANG FAKTA KES

[2] Fakta kes secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 29 Mei 2001 responden pertama telah memasuki satu perjanjian sewa beli dengan responden kedua untuk menyewa beli sebuah kenderaan jenis Ford Ranger ('kereta tersebut') dengan harga sewa beli sebanyak RM103,570.95. Pembayaran balik adalah secara 83 ansuran bulanan pada kadar RM1,083 setiap bulan dan satu ansuran terakhir sebanyak RM1,049.95. Pembayaran ansuran pertama bermula pada 29 Jun 2001. Harga belian bagi kereta tersebut adalah sebanyak RM76,868 ('PJB tersebut').

[3] Bagi tujuan pembelian dan sewa beli kereta tersebut serta berdasarkan kepada kehendak klausa 7.2.1 PJB tersebut, responden pertama telah membeli suatu polisi insurans untuk melindungi kereta tersebut daripada pihak perayu. Jumlah yang diinsuranskan adalah sebanyak RM76,000 dan polisi insurans itu untuk tempoh di antara 24 Mei 2001–23 Mei 2002. Polisi tersebut melindungi kereta tersebut daripada kehilangan akibat daripada kecurian.

[4] Pada 24 Mei 2001 penjual kereta tersebut, Ford Motor yang bertindak sebagai pengkhidmat atau agen kepada perayu telah mengisi *insurance proposal form* untuk menginsuranskan kereta tersebut dan menghantarnya kepada perayu. *Insurance proposal form* tersebut telah gagal diisikan dengan lengkap dan sepenuhnya oleh Ford Motor di mana beberapa bahagian dibiarkan kosong. Perayu bagaimanapun telah menerima *insurance proposal form* tersebut dan menerima bayaran premium yang dikenakan tanpa sebarang bantahan. Perayu juga kemudiannya telah mengeluarkan *cover note* dan polisi insurans untuk kereta tersebut.

[5] Pada 23 Jun 2001 kereta tersebut telah hilang akibat dicuri. Kecurian itu berlaku sebelum responden pertama dapat membuat bayaran ansuran yang

pertama di bawah PJB tersebut yang jatuh pada 29 Jun 2001. Responden pertama hanya dapat menggunakan kereta tersebut kurang daripada satu bulan. Responden pertama telah pun membuat satu laporan polis mengenai kecurian kereta tersebut. Responden pertama juga telah melaporkan tentang kehilangan kereta tersebut kepada perayu melalui *auto theft report form* bertarikh 9 Julai 2001 dan menuntut supaya jumlah wang yang diinsuranskan dibayar dengan serta merta kepada responden kedua. Responden turut memaklumkan responden kedua tentang kehilangan kereta tersebut dan bahawa beliau telah mengemukakan tuntutan terhadap pihak penginsurans (perayu).

[6] Melalui klausa 7.2.1 dan 7.3 di dalam PJB tersebut memperuntukkan bahawa wang insurans dibayar di bawah polisi insurans yang dibeli bagi kereta tersebut hendaklah dibayar kepada responden kedua. Responden pertama telah melantik dan memberi kuasa sepenuhnya kepada responden kedua untuk menuntut dan mendapatkan wang insurans tersebut. Begitu juga klausa J6.08 di bawah endorsmen kepada polisi insuran bagi kereta tersebut menyatakan bahawa apa-apa pembayaran wang insurans di bawah polisi itu hendaklah dibayar terus kepada responden kedua.

[7] Melalui surat peguamcara mereka bertarikh 19 Ogos 2002, responden pertama menuntut supaya perayu membuat pembayaran wang insurans bagi kereta tersebut. Perayu enggan untuk membuat pembayaran dan sebaliknya telah mengambil tindakan untuk menolak tanggungan mereka untuk membuat sebarang pembayaran dan telah membatalkan polisi insurans bagi kereta tersebut atas alasan telah berlakunya kegagalan untuk menyatakan fakta-fakta yang material (*non-disclosure of material facts*) di dalam *insurance proposal form*. Alasan penolakan dan pembatalan polisi insurans oleh perayu atas alasan tersebut telah tidak dimaklumkan oleh responden kedua kepada responden pertama.

[8] Perayu mendakwa bahawa mereka telah memaklumkan kepada responden pertama tentang pembatalan polisi insurans tersebut atas alasan kegagalan menyatakan fakta-fakta yang material melalui surat bertarikh 6 Ogos 2002. Responden pertama tidak pernah menerima surat bertarikh 6 Ogos 2002 tersebut dan tidak mengetahui isi kandungan surat tersebut.

[9] Berikutan kegagalan perayu untuk membuat pembayaran wang insurans tersebut, responden kedua telah memulakan tindakan melalui saman terhadap responden pertama di mahkamah sesyen untuk menuntut wang sejumlah RM74,527.07 yang terakru di bawah PJB tersebut berserta dengan faedah dan kos.

[10] Responden pertama tidak mempunyai pengetahuan terhadap tindakan

saman oleh responden kedua tersebut. Responden kedua telah memperolehi penghakiman ingkar terhadap responden pertama pada 6 Mei 2003. Sepanjang masa responden pertama beranggapan bahawa perayu telah pun membuat pembayaran sepenuhnya jumlah tertunggak di bawah PJB tersebut. Responden pertama pernah dimaklumkan oleh seorang pegawai perayu bernama Encik Gary Thong pada 19 Oktober 2001 bahawa beliau telah mengesyorkan kepada pihak pengurusan perayu supaya membuat bayaran sejumlah RM75,240 kepada responden kedua.

[11] Setelah mendapatkan penghakiman ingkar, responden kedua kemudiannya meneruskan dengan prosiding kebangkrapan terhadap responden pertama di Mahkamah Tinggi Johor Bahru melalui Kes Kebangkrapan No 29–5885 Tahun 2003. Berikutan dari itu pada 20 Oktober 2005, satu perintah penerimaan dan penghakiman telah direkodkan terhadap responden pertama. Dengan itu juga responden pertama telah diisytiharkan sebagai seorang yang bangkrap.

[12] Responden pertama kemudiannya mendapat tahu mengenai penghakiman ingkar dan perintah kebangkrapan terhadap dirinya dan telah melantik peguamcara untuk mengentepikan perintah-perintah tersebut. Pada akhirnya atas permohonan oleh responden pertama, pada 14 Februari 2006 perintah kebangkrapan tersebut telah diketepikan oleh mahkamah ini. Seterusnya pada 14 Ogos 2006 responden pertama memfailkan permohonan untuk mengentepikan penghakiman ingkar bertarikh 6 Mei 2003 tersebut. Mahkamah sesyen yang berkenaan telah membenarkan permohonan responden pertama pada 14 November 2007 dan penghakiman ingkar terhadap responden pertama telah pun diketepikan. Berikutan dari itu pada 12 September 2008 mahkamah ini telah membatalkan petisyen kebangkrapan terhadap responden pertama memandangkan penghakiman ingkar telah pun diketepikan.

[13] Responden kedua tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah sesyen, telah merayu ke mahkamah ini. Pada 26 Januari 2010, mahkamah ini telah menolak rayuan pihak responden kedua dan mengekalkan keputusan hakim sesyen yang telah megeluarkan perintah mengentepikan penghakiman ingkar yang telah dimasukkan terhadap responden pertama.

[14] Pada 6 Ogos 2010, responden pertama telah mendapatkan perintah untuk mengeluarkan notis pihak ketiga terhadap perayu untuk mendapatkan sumbangan atau *indemnity* terhadap tuntutan yang difailkan oleh responden kedua terhadap responden pertama. Notis pihak ketiga bertarikh 1 September 2010 telah dikeluarkan terhadap perayu dan pihak-pihak telah memfailkan pliding masing-masing bagi prosiding pihak ketiga tersebut.

[15] Perbicaraan notis pihak ketiga telah diteruskan apabila usaha-usaha penyelesaian yang ditawarkan oleh pihak perayu menemui kegagalan. Hakim mahkamah sesyen akhirnya telah membenarkan penghakiman yang memihak kepada responden pertama. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan oleh hakim sesyen tersebut. Oleh itu rayuan perayu berada di mahkamah ini.

HUJAHAN PERAYU

[16] Peguam mewakili perayu berhujah bahawa tuntutan responden pertama terhadap perayu adalah untuk menanggung rugi respoden pertama akibat daripada kegagalan responden pertama sendiri untuk membuat bayaran ansuran di bawah PJB tersebut. Seterusnya dihujahkan bahawa perayu tidak harus dipertanggungjawabkan atas kegagalan responden pertama sendiri yang telah gagal untuk membuat bayaran ansuran kereta tersebut. Klausa IV PJB tersebut menyatakan bahawa tanggungjawab responden pertama untuk membuat bayaran ansuran secara berterusan tanpa mengira apa yang telah terjadi hadap kereta tersebut.

[17] Isu kedua yang dihujahkan oleh peguam terpelajar bagi perayu adalah bahawa polisi insurans berkenaan kereta tersebut telah pun dibatalkan oleh perayu atas alasan kegagalan responden pertama untuk memberikan maklumat penting sepenuhnya (*non-disclosure of material facts*). Responden pertama tidak ada mengambil sebarang tindakan terhadap perayu atas pembatalan polisi insuran tersebut. Oleh itu dihujahkan bahawa perayu tidak mempunyai sebarang obligasi untuk menanggung rugi responden pertama atas kegagalan beliau untuk membuat bayaran ansuran kepada responden kedua. Lagipun kegagalan membuat ansuran tidak menjadi salah satu sebab di mana perayu akan menanggung rugi responden pertama.

HUJAHAN RESPONDEN PERTAMA

[18] Peguam terpelajar bagi pihak responden pertama berhujah bahawa dakwaan perayu mengenai kegagalan responden pertama yang kononnya telah membuat tuntutan wang insurans terhadap Lonpac Insurance Bhd dalam tempoh tiga tahun kebelakangan dan menyorok perkara itu adalah tidak benar. Sebaliknya peguam berhujah bahawa *insurance proposal form* dalam kes ini telah disediakan oleh Ford Motor, agen kepada perayu sendiri tanpa mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada responden pertama. Walaupun *insurance proposal form* tersebut tidak lengkap namun *cover note* dan polisi telah dikeluarkan juga oleh perayu. Ford Motor adalah agen kepada perayu seperti diperuntukkan di bawah s 151(1)–(2) Akta Insurans 1996.

[19] Oleh kerana segala kenyataan terdapat di dalam *insurance proposal form* tersebut telah disediakan oleh Ford Motor yang merupakan agen kepada

perayu maka segala kenyataan dan tingkah laku Ford Motor dalam menerima borang tersebut adalah mengikat perayu. Tindakan perayu dalam menerima borang tersebut sebelum mengeluarkan *cover note* serta polisi dan tidak membuat sebarang bantahan terjumlah kepada *waiver* di bawah s 150(3) Akta Insurans 1996.

[20] Peguambela juga berhujah bahawa tidak ada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan bahawa responden pertama terlibat dalam kecurian kereta tersebut. Tiada juga bukti ditunjukkan kepada mahkamah bahawa terdapat pakatan di pihak responden pertama untuk menipu atau memperdayakan perayu bagi mendapatkan wang insurans tersebut. Laporan *adjuster* yang dilantik oleh perayu sendiri mengesahkan fakta tersebut.

[21] Peguam merujuk kepada klausa 1 seksyen A di bawah polisi insurans tersebut yang menyatakan bahawa perayu hendaklah menanggung rugi responden pertama dalam keadaan kereta tersebut telah hilang akibat kecurian. Oleh itu dihujahkan bahawa tindakan perayu dalam membatalkan polisi insurans tersebut dan menafikan tanggungan mereka adalah salah. Perayu sebenarnya tiada sebab munasabah untuk membatalkan polisi dan mengelakkan tanggungan mereka di bawah polisi insurans tersebut. Malahan pada satu peringkat sebelum perbicaraan, perayu telah membuat rundingan dan tawaran untuk menyelesaikan tuntutan responden pertama. Tindakan perayu di sini dapat dilihat sebagai pengakuan atas liabiliti mereka terhadap tuntutan responden pertama.

[22] Mengenai isu yang dibangkitkan oleh perayu bahawa polisi insurans tidak boleh menanggung rugi bagi kegagalan responden pertama membuat ansuran bulanan, peguam responden pertama berhujah isu tersebut tidak pernah diplidkan. Oleh yang demikian perayu tidak boleh membangkitkan isu tersebut semasa perbicaraan.

[23] Peguam responden pertama berhujah bahawa perayu wajar membuat bayaran di bawah polisi insurans tersebut dan bayaran hendaklah dibuat terus kepada responden kedua, tuan punya sebenar (*owner*) kereta tersebut. Ini adalah selaras dengan kehendak di bawah klausa J6.08 polisi insurans tersebut serta menurut klausa 7.2.1, 7.3 dan 7.5 PJB tersebut.

[24] Bagi menjawab dua isu yang ditimbulkan oleh pihak perayu, peguam bagi responden pertama berhujah kedua-dua isu tersebut tidak boleh dihujahkan oleh kerana kedua-dua isu itu tidak pernah dibangkitkan dalam memorandum rayuan dan juga semasa pendengaran kes di mahkamah sesyen. Oleh itu kedua-dua isu itu wajar ditolak. Peguam responden pertama berpegang kepada keputusan dalam kes *Joo Seng Trading v Commercial Importers and Distributors Sdn Bhd* [2007] 4 MLJ 128 dan *Public Finance Bhd*

v Harta Pertama Sdn Bhd & Ors [2002] 4 MLJ 599.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[25] Setelah meneliti rekod rayuan serta meneliti hujah-hujah kedua-dua belah pihak, mahkamah ini mendapati bahawa rayuan perayu tidak mempunyai sebarang merit. Mahkamah ini turut bersetuju dengan hujahan yang dikemukakan oleh peguam bagi pihak responden pertama. Oleh itu rayuan perayu telah ditolak dengan kos yang ditetapkan sebanyak RM1,000.

[26] Adalah keputusan mahkamah ini bahawa akibat daripada kegagalan perayu untuk membuat pembayaran wang insurans di bawah polisi insurans tersebut selepas kereta tersebut hilang telah menyebabkan kerugian kepada responden pertama. Sekiranya wang dibayar kepada responden kedua seperti disyorkan oleh pihak *adjuster* dan disyorkan juga oleh pegawai perayu sendiri, responden pertama tidak akan disaman oleh responden kedua. Tindakan perayu yang membatalkan kontrak di bawah polisi insurans tersebut serta enggan menanggung rugi responden pertama adalah satu tindakan yang salah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang kontrak. Alasan yang diberikan oleh perayu bahawa *insurance proposal form* tidak lengkap dalam membatalkan kontrak adalah satu alasan yang remeh serta pemikiran terkemudian.

[27] Tidak dipertikaikan bahawa *insurance proposal form* tersebut telah diisikan oleh agen perayu sendiri iaitu Ford Dealer yang telah menjualkan kereta tersebut kepada responden pertama. Walaupun sedar borang tersebut tidak lengkap dan tidak membuat *full disclosure* namun *cover note* dan polisi tetap dikeluarkan oleh perayu tanpa sebarang bantahan. Oleh itu perayu adalah dihalang daripada membangkitkan isu tersebut dan dihalang daripada menafikan liabiliti mereka untuk membayar kepada responden kedua di bawah polisi yang dikeluarkan. Perayu telah pun menerima bayaran premium untuk polisi tersebut maka adalah tidak berasas untuk mereka membatalkan polisi insurans tersebut secara sebelah pihak (*unilateral*).

[28] Seterusnya berdasarkan kepada keputusan dalam kes *Joo Seng Trading* dan *Harta Pertama Sdn Bhd* yang dirujuk oleh peguam responden pertama, pihak perayu adalah dihalang daripada membangkitkan dua isu dalam hujahan mereka oleh kerana kedua-dua isu tersebut tidak terdapat di dalam memorandum rayuan dan tidak pernah ditimbulkan semasa pendengaran di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana.

[29] Atas alasan-alasan yang dinyatakan, mahkamah ini menolak rayuan perayu dengan kos RM1,000.

Rayuan ditolak dengan kos sebanyak RM1,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor